

10/05/1999

Fadzil diberi laluan di Kubang Pasu

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Keadilan Nasional (KeADILan) bersedia memberi laluan kepada Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, untuk bertanding di Kubang Pasu dalam pilihan raya akan datang.

Timbalan Presiden KeADILan, Dr Chandra Muzaffar, berkata parti itu sedia bekerjasama untuk memastikan kemenangan Fadzil di kawasan itu.

"Kita sanggup dan sedia bekerjasama untuk mencapai matlamat itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri konvensyen sehari kepemimpinan tertinggi KeADILan bertema "Menyatukan Pemikiran : Memperkukuhkan Strategi Perjuangan" di sini, hari ini. Hadir sama Setiausaha Agung KeADILan, Anuar Tahir.

Sebelum ini, Presiden KeADILan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dikatakan bersedia bertanding menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya akan datang.

Dr Chandra juga menjelaskan, parti itu sudah menyediakan mekanisme untuk menyertai pilihan raya akan datang.

Katanya, kini KeADILan memiliki 100,000 ahli dengan 80 bahagian di seluruh negara.

Mengenai calon yang akan menjadi ketua kerajaan jika pembangkang menang dalam pilihan raya akan datang, Dr Chandra berkata, perkara itu akan dibincang kemudian.

(END)